



Praktis PdPR Modul 1

1. Butiran berikut diperoleh daripada Perniagaan Meng Hui bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 20X9.

	RM
Belian	42 155
Jualan	54 120
Pulangan Jualan	2 260
Inventori Awal pada kos	3 215
Inventori Akhir pada kos	2 655

Anda dikehendaki menghitung:

- Perolehan.
 - Kos Jualan.
 - Margin Untung Kasar.
 - Tokokan.
 - Kadar Pusing Ganti Inventori.
2. Maklumat berikut telah dikeluarkan daripada buku seorang peniaga.

	RM
Inventori Awal	20 500
Belian	170 500
Inventori Akhir	18 400
Untung kasar sebagai peratus jualan adalah 20%	

Anda dikehendaki menghitung:

- Kos Jualan.
 - Jualan.
3. Maklumat berikut diperoleh daripada Restoran Indah Rasa bagi tahun berakhir 31 Mei 20X0.

	RM
Inventori Awal	12 630
Inventori Akhir	21 850

Maklumat tambahan:

- Barang-barang dijual dengan harga 40% lebih daripada kos.
- Kadar Pusing Ganti Inventori bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Mei 20X0 ialah 7 kali.

Anda dikehendaki menghitung:

- Inventori Purata.
- Kos Jualan.
- Untung Kasar.

4. Kedai Donut Sun dan Kedai Roti Suria merupakan dua perniagaan menjual roti. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 30 Jun 20X9.

Kedai Donut Suria

	RM		RM
Modal 1 Julai 20X8	85 000	Inventori 1 Julai 20X8	10 850
Inventori 30 Jun 20X9	12 550	Kenderaan	12 500
Belian	176 580	Akaun Belum Bayar	13 680
Gaji Belum Bayar	1 760	Jualan	200 170
Akaun Belum Terima	14 340	Insurans atas Belian	620
Untung Bersih	15 300	Iklan Prabayar	390

Kedai Donut Sun

Kadar Pusing Ganti Inventori	12 kali	Pulangan atas Modal	15%
------------------------------	---------	---------------------	-----

- (a) **Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) Kos Jualan.
- (ii) Kadar Pusing Ganti Inventori.
- (iii) Pulangan atas Modal.

- (b) Prestasi perniagaan yang manakah lebih baik? Beri alasan anda.

5. Maklumat kewangan berikut diperoleh daripada Perniagaan Sri Gaya dan Perniagaan Eleganza pada 31 Mei 20X0. Kedua-dua perniagaan tersebut menjalankan perniagaan menjual tudung.

Perniagaan Sri Gaya

	RM
Modal 1 Jun 20X9	117 750
Inventori 31 Mei 20X0	6 240
Pelbagai Belanja	3 240
Akaun Belum Bayar	3 950
Inventori 1 Jun 20X9	7 080
Untung Kasar	22 080
Akaun Belum Terima	1 660
Jualan	75 360

Perniagaan Eleganza

Margin Untung Bersih	20%
Kadar Pusing Ganti Inventori	10 kali
Pulangan atas Modal	12%
Nisbah Semasa	1.8:1

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** perkara berikut bagi Perniagaan Sri Gaya:

- (i) Margin Untung Bersih.
- (ii) Pulangan atas Modal.
- (iii) Kadar Pusing Ganti Inventori.

- (b) Perniagaan manakah yang akan anda pilih, sekiranya anda seorang pelabur? Beri alasan anda.

- (c) Berdasarkan maklumat yang diperoleh, perniagaan yang manakah lebih cekap mengurus inventori? Beri alasan anda.

- (d) Perniagaan yang manakah lebih baik kedudukannya untuk membayar liabiliti semasa? Beri alasan anda.

6. Penyata Kedudukan Kewangan bagi dua syarikat yang bersaing disediakan pada 31 Oktober 20X0.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 20X0

	Syarikat Awana			Syarikat Ah Meng		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Kenderaan		21 600			30 000	
Alatan Pejabat		13 500			10 920	
Lengkapan		1 590	36 690		1 540	42 460
Aset Semasa						
Inventori Akhir	2 850			2 550		
Akaun Belum Terima	2 010	4 860		2 210	4 760	
Tolak: Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar	1 020			2 000		
Overdraif Bank	580			870		
Sewa Belum Bayar	350	(1 950)		350	(3 220)	
Modal Kerja			2 910			1 540
			39 600			44 000
Ekuiti Pemilik						
Modal			23 840			32 150
<i>Tambah:</i> Untung Bersih			5 760			5 850
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman			10 000			6 000
			39 600			44 000

- (a) **Anda dikehendaki menghitung** item berikut bagi setiap syarikat.
- Nisbah Semasa.
 - Nisbah Ujian Asid.
 - Pulangan Atas Modal.
- (b) Berdasarkan analisis pulangan atas modal di 6 (a)(iii), syarikat yang manakah cekap? Beri alasan anda.
- (c) Syarikat manakah yang mempunyai kedudukan aset semasa yang baik untuk membayar liabiliti semasanya? Terangkan.